

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**KADAR ROYALTI BAGI PEMINDAHAN BAHAN BATUAN (BATU KUARI) DARI
NEGERI KELANTAN ATAU KE LAIN-LAIN NEGERI DAN KE LUAR NEGARA**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 21/2022 yang bersidang pada 19 Oktober 2022 telah membuat keputusan meluluskan Kadar Royalti Bagi Pemindahan Bahan Batuan (Batu Kuari) dari Negeri Kelantan Atau Ke Lain-lain Negeri dan Ke Luar Negara sebagaimana berikut :

- 1.1 Tempoh pengurangan harga royalti bahan batuan (batu kuari) yang berakhir pada tahun 2022 dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun lagi bermula tahun 2023 sehingga tahun 2025.
- 1.2 Lain-lain kelulusan yang dibuat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 5/2020 yang bersidang pada 18 Mac 2020 sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 07/2020 adalah dikekalkan.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 07/2020.

3. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta –merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan),K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Berbahagia Dato' / Yang Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3,KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.PK.18/5-44/2020

BERTARIKH : 01 Januari, 2023/08 Jamadil Akhir 1444H.